

UMP bantu kajian inovasi sekolah kluster



Dr Daing Nasir (kanan) melihat beberapa trofi kemenangan pelajar Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah pada Majlis Penghargaan Kerjasama Jalinan Permuafakatan Sekolah Kluster Kecemerlangan Dengan UMP di kampus Gambang.

[FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH]

» **Perkongsian pintar bimbing pelajar cipta produk lebih komersial**

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan mengadakan kerjasama dengan 14 sekolah kluster di negeri ini bagi menghasilkan pelbagai produk inovasi untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata pihaknya akan menyediakan

tenaga pengajar terdiri daripada pensyarah berpengalaman untuk membantu sekolah kluster berkecuaan bagi mencapai matlamat itu.

"Perkongsian pintar antara UMP dengan sekolah kluster itu akan memberi kelebihan kepada kedua pihak dan dapat menghasilkan produk berpotensi untuk dikomersialkan."

"Pengalaman pensyarah UMP mampu memberi bimbingan dan dorongan kepada pelajar untuk menghasilkan rekaan produk berinovasi," katanya pada Majlis

Penghargaan Kerjasama Jalinan Permuafakatan Sekolah Kluster Kecemerlangan Dengan UMP di Astaka UMP kampus Gambang di sini, semalam.

Hasil produk sisa buangan

Beliau berkata, antara kejayaan dikecapai adalah menerusi kerjasama dengan Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) yang menghasilkan produk sisa buangan pertanian seperti sisa nanas untuk dijadikan kertas.

"Ia membolehkan SEMSAS menerima Anugerah Perdana Kementerian Pendidikan 2014 selain beberapa anugerah lain di peringkat kebangsaan selepas berjaya melakar kemenangan pada pertandingan bertaraf antarabangsa.

"Terbaru, sekolah berkenaan sekali lagi meraih empat pingat emas dan empat anugerah khas juri pada pertandingan inovasi antarabangsa di Korea," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP, Abdul Syukur Abd Razak, berkata kesungguhan pengetua dan guru pengiring menjadi faktor utama SEMSAS melakar banyak kejayaan sepanjang tiga tahun kerjasama kajian sebelum ini.

"Ia juga disumbangkan hasil minat pelajar, saya yakin sekolah itu mempunyai masa depan cerah untuk mencipta lebih banyak kajian dan menghasilkan produk bermanfaat seperti ciptaan berdasarkan sisa buangan pertanian."

"Saya akan terus membantu SEMSAS melakukan kajian untuk memastikan mereka mencipta lebih banyak kejayaan pada masa depan," katanya yang pernah menghasilkan sejenis umpan tiruan Pisoptera daripada tandan kosong sawit bagi membunuh anai-anai.